

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT :

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لِبَاطِلٍ وَلَهُمْ وَأَعْرَابَهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ بِهِمْ أَنْ تَبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ  
لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعَدَلَ كُلُّ قَدْلٍ لَمْ يَأْخُذْ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ  
شُرَابٌ مِنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(Surah al-An'am:70)

Ayat di atas menerangkan mengenai larangan mempersendakan Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan dua bentuk perbuatan mempersendakan Islam. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua cara menjaga kesucian Islam. [4 markah]
- (iii) Huraikan hujah anda untuk menolak dakwaan segelintir golongan yang beranggapan bahawa pelaksanaan syariat Islam perlu diteliti semula agar sesuai mengikut situasi semasa. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan mengenai setiap orang ialah pemimpin.

- (i) Nyatakan maksud potongan hadis yang bergaris di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua tanggungjawab pemimpin. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

(c) Nyatakan jenis mad lazim bagi potongan al-Quran di bawah;

(i) **الضَّالِّينَ**

[1 markah]

(ii) **عَسَقَ**

[1 markah]

2 (a) (i) Nyatakan takrif ajaran sesat.

[2 markah]

(ii) Jelaskan ciri ajaran sesat dari aspek berikut;

(a) Al-Quran dan al-Hadis

[2 markah]

(b) Akhlak

[2 markah]

(iii) Sabda Rasulullah SAW:

**تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ**

(رواية مالك)

Maksudnya: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat sekira berpegang dengannya, kitab Allah (al-Quran) dan Sunah Nabi-Nya (al-Hadis).

Pada pandangan anda, mengapakah ajaran sesat masih berlaku walaupun Nabi

Muhammad SAW telah berpesan melalui hadisnya seperti di atas?

[4 markah]

(b) (i) Nyatakan maksud al-Raqib.

[2 markah]

(ii) Jelaskan bukti Allah SWT bersifat al-Raqib.

[2 markah]

(c) (i) Jelaskan sejarah ringkas aliran Syiah.

[2 markah]

(ii) Terangkan dua prinsip utama Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

[4 markah]

3 (a) (i) Jelaskan dua matlamat pensyariatian muamalat dalam Islam.

[4 markah]

(ii) Nyatakan dua unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam.

[2 markah]

(iii) Adakah jual beli secara dalam talian (*online*) menepati muamalat Islam? Huraikan.

[4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud wali. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua jenis wali. [2 markah]
- (iii) Senaraikan dua syarat wali. [2 markah]
- (iv) Jelaskan dua sebab perpindahan wali nasab kepada wali hakim. [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan sejarah ringkas kerajaan Umayyah dari aspek berikut;
- (a) Pengasas [1 markah]
- (b) Pusat pemerintahan [1 markah]
- (ii) Jelaskan dua sumbangan Umar bin Abdul Aziz. [4 markah]
- (iii) Jelaskan dua faktor kegemilangan kerajaan Umayyah dalam aspek ekonomi. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Salahudin al-Ayubi. [3 markah]
- (ii) Nyatakan tiga sumbangan Salahudin al-Ayubi. [3 markah]
- (iii) Bagaimanakah keunggulan tokoh-tokoh Islam dapat memberikan inspirasi untuk menjadikan anda insan yang cemerlang? [4 markah]
- 5 (a) (i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua prinsip wasatiah dalam aspek kesederhanaan. [4 markah]
- (iii) Bagaimanakah anda dapat menerapkan amalan wasatiah dalam kehidupan seharian? [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud istiqamah? [2 markah]
- (ii) Terangkan dua cara memiliki sifat istiqamah. [4 markah]
- (iii) Terangkan dua hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan. [4 markah]